

DATE: 20/2/ 2010

Hukuman sebat perlu diseragam

Semua negeri diminta selaraskan undang-undang berkaitan kesalahan syariah

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zananah@bharion.com.my

KUALA LUMPUR: Hukuman sebat mengikut syariah yang diperuntukkan di semua negeri perlu diseragamkan bagi jenis kesalahan sama supaya ia selaras dan tidak menge-lirukan.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais), Datuk Mohammed Khusrin Munawi, berkata sudah sampai masanya hukuman diseragamkan kerana Undang-Undang Keluarga Islam di semua negeri sudah diseragamkan selepas 2000 mengikut Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984.

"Penggubalan undang-undang syariah agama di bawah kuasa negeri, namun Jakim (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia) boleh memainkan peranan menyeragamkan hukuman bagi kesalahan syariah yang sama bagi semua negeri.



Sudah sampai masanya hukuman diseragamkan kerana Undang-Undang Islam di semua negeri sudah diseragamkan selepas 2000"

**Mohammed Khusrin
Munawi**
Pengarah Jais

"Jenayah seperti minum arak, kita harap hukumannya boleh disebat. Kalau tidak, orang akan fikir, pergi negeri ini kena sebat sekali, pergi negeri lain tidak kena," katanya kepada *Berita Harian*, semalam.

Beliau ketika diminta mengulas berhubung hukuman sebat yang dikenakan bagi kesalahan syariah yang berbeza mengikut negeri.

Sebagai contoh, di Selangor, ada enam jenis kesalahan memperuntukkan hukuman sebat termasuk doktrin palsu (ajaran sesat), mencemarkan tempat ibadat, sumbang mahram, melacurkan diri atau isteri, muncikari (bapa ayam), zina, mukadimah zina dan persetubuhan bertentangan tabii, manakala di Perlis hanya kesalahan meminum minuman yang memabukkan saja boleh dihukum sebat.

Sementara itu, Penasihat Majlis Agama Islam Johor, Datuk Nooh Gadut, berkata,

walaupun hukuman sebat diperuntukkan di semua negeri selepas perbincangan pada peringkat Jakim, namun apabila dibawa ke negeri, undang-undang akan dipinda mengikut kesesuaian negeri berkenaan.

"Memang bagus jika diselaraskan supaya undang-undang Islam dilihat seragam terutama di kalangan bukan Islam.

"Bagaimanapun, negeri mempunyai kuasa untuk meminda undang-undang mengikut keadaan dan kesesuaian negeri masing-masing. Mungkin setiap negeri ada hujahnya sendiri," katanya.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata pihaknya sedang berusaha menyeragamkan hukuman sebat bagi kesalahan yang sama di semua negeri.

"Setakat ini, sebahagian daripada negeri sepakat untuk diseragamkan. Kalau se-

mua sudah sepakat, insya-Allah, kita akan laksanakan.

"Kita sentiasa mengadakan perbincangan mengenai perkara ini, namun terpu-lang kepada negeri merautuskannya kerana ini memerlukan perkenan daripada Raja," katanya.

Berhubung kenyataan Sisters in-Islam (SIS) yang mempersoalkan hukuman sebat tiga wanita di Penjara Kajang, Selangor pada 9 Februari lalu, Jamil Khir berkata, ia tidak wajar memandangkan hukuman itu sudah diputuskan dan termaktub mengikut undang-undang syariah.

"Mereka perlu menghormati undang-undang. Mengapa hukuman sebat boleh diterima di mahkamah sivil tetapi tidak di mahkamah syariah. Tidak timbul soal diskriminasi kerana kalau diikutkan, sebatan sivil lebih menyakitkan daripada sebatan syariah yang dilaksanakan untuk memberi pengajaran," katanya.